

Silasemak semasa dilafazkan

**UCAPAN YANG AMAT BERBAHAGIA  
DATO SERI DR. SITI HASMAH BINTI HAJI MOHD ALI  
DI MAJLIS PENUTUPAN KEJOHANAN BADMINTON  
PIALA PUSINGAN PERDANA MENTERI 1999  
DI JOHOR BHARU, JOHOR DARUL TAKZIM  
PADA HARI SABTU, 28 OGOS 1999**

-----

Syukur Alhamdulillah saya panjatkan dahulu ke-hadrat Illahi kerana atas limpah kurniaNya sahaja dapat 13 Kontinjen dari Perlis hingga ke Sabah berkumpul selama 4 hari di sini untuk bermesra dan membaharui persahabatan melalui sukan badminton.

2. Syukur Alhamdulillah. kejohanan yang ke-14 ini telah selamat sempurna dengan jayanya, kerana persediaannya diuruskan dengan hati berdebar-debar, tentu sekali bagi pihak tuan rumah JUITA dan Kerajaan Negeri Johor agar pilihanraya diumumkan dengan terkejut sahaja dan kejohanan ini akan tergendala, malah mungkin terpaksa ditangguh. Perkara seperti ini biasa berlaku pada tahun 1990 di mana Kejohanan terpaksa dibatalkan. Dalam sejarah Kejohanan Badminton Piala Pusingan ini, itulah kali yang pertama peristiwa sedemikian berlaku dan saya harap yang terakhirjuga. Semoga Kelantan akan masuk semula selepas Pilihan Raya Umum yang akan datang Insyaa-Allah.

3. Kejohanan ini ujud pada 1985. dengan tujuan menjalinkan persahabatan dan kemesraan melalui sukan yang diminati oleh Isteri-isteri, yakni badminton. Kecuali pada tahun 1990, kejohanan ini telah dianjurkan setiap tahun oleh Badan-badan Amal Isteri-isteri peringkat Pusat dan Negeri-negeri dan diharap ini akan berterusan ke-abad baru dan selanjutnya. Tiada lain sukan yang sesuai bagi kami isteri-isteri berkumpul beramai-ramai daripada segi kemudahannya, perbelanjaannya dan faedahnya.

4. Badminton dimainkan dalam Dewan, dan sesuai daripada segi keselesaan daripada hujan dan panas dan memberi faedah kesihatan. Ia cuma memerlukan kesihatan yang baik, minat untuk memegang racket, memukul bulu tangkis ke sebelah sana, selain adakan satu gelanggang, dan rakan-rakan untuk sama bermain. Oleh kerana seorang pemain mesti ada kawan dan lawan untuk bermain, maka ramai perlu menyertai sukan ini, dan dengan itu penjalinan persahabatan dan kemesraan pasti wujud akhirnya.
5. Ada cadangan, kita ujudkan juga sukan netball, golf, 10 pin dan lawn bowling, renang dan mungkin roller-blading. Semuanya boleh kita adakan tetapi tiap-tiap satu sukan alternatif ini ada keperluannya tersendiri yang sukar dipenuhi.
6. Netball memerlukan ahli yang lebih ramai, bagus untuk bernesra tetapi bahaya sedikit bagi kita yang berperingkat umur "golden and diamond jubilee" kini kerana perlu berlari-lari seluas padang. Peluang berlaga-laga beramai-ramai lebih tinggi. Walhal dalam badminton, kita ada regu kita sahaja untuk berlaga. Gelanggang juga susah dapat.
7. Golf adalah sihat bagi semua, tetapi perlukan masa yang panjang untuk bermain. Lagipun tiada golf course dimiliki oleh mana-mana Badan Amal Isteri-isteri setakat ini.
8. Berenang adalah satu sukan yang saya sendiri gemari tetapi tidak cekap berenang. Selain pada suatu acara sesuai dengan kesihatan, kolam renang, pakaian dan jurulatih mungkin menjadi masalah. Saya sukar bayangkan fesyen-fesyen baru dalam swimming costume bagi wanita Islam melainkan kita semua memakai diving suits seperti scuba divers ataupun pakai kain batik sahaja yang efektif sebagai float!.
9. Mungkin nanti, kita minat pula kepada roller-blading sempurna dengan pakaian yang bergaya tetapi kurang melindungi kita daripada bahaya. Namun demikian, saya rasa akhirnya kita akan balik juga ke sukan badminton.

10. Kejohanan kali ke-14 ini adalah kejohanan yang terakhir bagi alafke-20. Selama 14 tahun, Badan-badan Amal Isteri-isteri peringkat Negeri-negeri kecuali Kedah dan Kelantan telah menjadi tuan rumah dengan kerjasama dan pertolongan penuh daripada pihak Kerajaan Negeri yang menentukan kesempurnaan dan kejayaan tiap-tiap kejohanan ini. Pada mulanya, Johan Pertandingan Badminton ini menjadi tuan rumah tetapi untuk mengelakkan bebanan perbelanjaan sekiranya Johan itu berturut-turut dari satu negeri sahaja, disetujui oleh Majlis Kejohanan bahawa venue Kejohanan diadakan di negeri-negeri mengikut pusingan. Ini amatlah wajar kerana, sambil bermain badminton. Isteri-isteri berpeluang menjelajah negeri-negeri dalam Malaysia.

11. Bagi pihak semua Kontinjen yang telah menyertai Kejohanan Piala Pusingan dari 1985 hingga kini, saya merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada tuan-tuan rumah dan Kerajaan-kerajaan Negeri yang menentukan kejayaan Kejohanan Badminton Isteri-isteri selama ini. Saya tahu persediaan amat rumit dan tidak mudah memenuhi kemahuan-kemahuan kontinjen-kontinjen yang sering kali berbagai ragam, tetapi akhirnya sempurna jua dengan penuh layanan yang baik. Setiap negeri menunjukkan bakat mereka mengurus begitu cekap sekali hingga berjaya.

12. Kepada tuan rumah tahun ini JUITA dan Kerajaan Negeri Johor, kami amatlah terharu dengan layanan yang begitu rapi sekali, sejak kami tiba. Setampil dengan akhirnya alaf ke-20 ini. JUITA telah menutup tirai dengan penuh kemesraan, persahabatan dan kejayaan. Saya bagi pihak rakan-rakan dan saudari-saudari sekalian dari 13 negeri mengucapkan tahniah dan syabas kepada YAD Datin Prof. Dr. Jamilah atas usahanya yang gigih menentukan setiap kontinjen kita ini berpuas hati dan gembira datang ke Johor.

13. Saya tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada YAB Dato Menteri Besar dan Kerajaannya atas segala-segala persiapan yang diberi. Negeri Johor termasyhur dengan

tarian zapinnya, menjadi suatu persembahan tarikan. Kalaulah pemain-pemain JUITA beraksi di atas gelanggang dengan rentak lemah lembut berzapin, mungkin pihak lawannya menang dengan lebih mudah. Tetapi nampaknya, ramai bermain dengan rentak disco, flamenco, yang lebih agresif daripada rentak zapin. Kontinjen Perlis dan Kedah perlu tukar rentak bermain ala ramvong dan cinta sayang supaya menang nanti, insya-Allah!

14. Kita berbangga dengan mutu permainan Isteri-isteri dalam Kejohanan ini. Masih ada Isteri-isteri yang mula bermain dan 1985, di mana Isteri-isteri adalah 14 tahun lebih muda, sihat, lebih ringan. Tetapi kini sungguhpun 14 tahun menambahkan pengalaman dan Isteri-isteri matang dengan cara-cara bermain badminton, namun setiap pemain ada hadnya bermain. Kajian yang saya buat dalam umur Isteri-isteri yang bermain tahun ini ialah purata . . . . . tahun, berkeluarga . . . . . orang anak dan . . . . . orang cucu. Jika ikut IBF standards, kesemuanya kita ini. patut dah retire lama dahulu. Mungkin kita wajar menjadi contoh kepada pemain nasional kita. Daripada segi fizikal, sebahagian Isteri-isteri termasuklah saya yang tertua sekali, luntur tetapi daripada segi semangat hendak bermain, masih kuat dan masih membara! Semangat sahaja!

15. Oleh itu, saya ucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang bermain dengan gagah berani, mempertahankan Kontinjen masing-masing bermati-matian. Semangat sukan tidak boleh luntur bagi wanita kerana inilah peluang untuk menunjukkan kebolehan kita dalam sukan yang menjadi sukan ke-2 popular negara kita.

16. Kepada Johan tahun 1999 ini. saya ucapkan setinggi-tinggi tahniah. Saudari-saudari telah menunjukkan permainan yang begitu baik dan profesional. Wajarlah menang. Syabas!

17. Tahniah juga kepada Naib Johan yang memberi penentangan hebat kepada Johan. Tidaklah begitu teruk sesudahnya. Syabas!

18. Bagi kali pertama, JUITA mengujudkan pertandingan "Losers Pool" supaya pasukan-pasukan yang kalah tidak berasa kecewa dan sia-sia datang ke Johor. Mereka mengadakan pertandingan antara mereka sendiri untuk merebut Piala Negeri Johor sebagai Johan "Losers Pool". Saya percaya pertandingan ini dilakukan dengan begitu hebat juga. Saya ucapkan tahniah kepada..... dari negeri..... yang menang sebagai Johan.

19. Piala Losers Pool ini disumbang oleh Negeri Johor dan pemenangnya akan simpan terus. Bermakna menjelang alafbam, negeri-negeri tuan rumah akan menyumbangkan Piala tetap Losers Pool. Terima kasih Johor.

20. Terima kasih juga saya ucapkan kepada YAB Dato' Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi, Timbalan Perdana Menteri yang menyumbangkan Piala Pusingan Naib Johan yang baru menggantikan yang lama.

21. Ucapan ini tidak sempurna jika tidak dicatitkan penghargaan saya kepada semua Pegawai-pegawai Kerajaan daripada YAB Menteri Besar Johor hingga ke Pejabat-pejabat Kerajaannya yang bertungkus lumus siang malam menentukan kejohanan ini sempurna dan berjaya. Saya tidak ada kata-kata lain selain daripada menyatakan berbanyak terima kasih kepada tuan-tuan dan puan-puan.

22. Kepada Pasukan Perubatan dan Pegawai-pegawai Sukan Negeri yang mengaturkan para Hakim, Penjaga Garis, Penjaga Servis dan sebagainya, tahniah dan juga terima kasih kerana bertugas dengan profesional dan adil. Terima kasih. Tidak lupa saya semua yang bertugas "behind the scenes", yang berlari-lari menentukan sesuatu acara tidak tergendala.

23. Hampir lupa saya mengucapkan penghargaan dan junjung kasih kepada Duli Yang Maha Mulia Sultan dan Sultanah Johor, YAB Dato Menteri Besar Johor dan Yang Berbahagia Setiausaha Kerajaan Johor yang menjemput Kontinjen-kontinjen dalam

Majlis Jamuan Makan Malam bagi meraikan kita Isteri-isteri dan Pegawai-pegawai Sukan.

24. Bagi pihak Kontinjen dan semua yang hadir, dan saya sendiri saya ucapkan terima kasih yang tidak terhingga kepada YAB Perdana Menteri kerana hadir di majlis kita ini. Saya amat bimbang kalau-kalau beliau tidak mahu hadir, kerana kalau tinggal seorangan di Kuala Lumpur Perdana Menteri akan rancang tarikh Pilihan Raya Umum dengan terkejut, dan habislah kejohanan kita mid-stream! Terima kasih Perdana Menteri. Kita tahu Perdana Menteri sentiasa memberi pertimbangan kepada rancangan-rancangan wanita dan kejohanan ini adalah suatu rancangan perpaduan dan kemesraan yang baik untuk apa-apa jua persediaan.

25. Alaf baru menjelang tiba dan Insyaa-Allah, kita akan berjumpa semula di Pulau Langkawi, Kedah dengan undangan tuan rumah BIDARA, yakni negeri yang terakhir menjadi tuan rumah. Tarikhnya akan ditetapkan oleh BIDARA. Dinasihatkan tidak pilih apa-apa jua tarikh sebelum Jun 2000 kerana risiko Pilihan Raya Umum belum selesai!

26. Dengan itu, sekali lagi saya ucapkan syukur alhamdulillah dan terima kasih kepada semua. Semoga Tuhan memberkati perjumpaan kita ini dan melindungi kita yang akan pulang dengan apa jenis kenderaan jua.

\*\*\*\*\*